

Terms and Conditions
TRUE Cash Back Campaign – ProtectCare Select

1.0 Definitions

1.1 For the purposes of this Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:-

“**Organiser**” refers to AmBank (M) Berhad (Company No. 8515-D), a company incorporated in Malaysia under the Companies Act 1965 and having its registered address at Level 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, (hereinafter referred to as “**the Bank**”).

“**AmBank Group**” refers to all the Related Corporations and Associate Corporations of the Bank whether incorporated inside or outside Malaysia, existing now or in the future and reference to ‘AmBank Group’ in this Terms and Conditions herein, shall include all or any entity within the AmBank Group.

“**Campaign**” refers to “TRUE Cash Back Campaign - ProtectCare Select” organised by the Bank in accordance with the Terms and Conditions stipulated herein.

“**TRUE by AmBank Debit MasterCard**” refers to the bundled accounts that consist of a TRUE Transact and TRUE Savers account plus TRUE by AmBank Debit MasterCard.

“**TRUE Transact Account**” refers to an account(hereinafter referred to as “**Participating Account**”) bundled with TRUE by AmBank Debit MasterCard that offers unlimited free online Interbank GIRO (IBG) transactions, 5 free MEPS withdrawals and access to the nationwide MEPS ATM network conveniently. This account is eligible for protection by PIDM.

“**TRUE Savers Account**” refers to an account bundled with TRUE by AmBank Debit MasterCard that offers high interest rate of 2.8% p.a. with a feature of 3-withdrawal limit per month. A fee of RM5 + RM0.30 GST is applicable for the 4th withdrawal onwards. This account is eligible for protection by PIDM.

“**Policy**” refers to ProtectCare Select and means this contract, annexure and/or endorsement of the Policy and any other application forms, declaration or amendment which shall together constitute the entire contract between you and AmMetLife (hereinafter referred to as “The Company”).

“**Policy Owner**” refers to the person who has legal title to the Policy.

“**First year Premium**” refers to twelve (12) months of premium is payable based on Premium Payment Term

“**Cash Back**” refers to 5% cash which credit into customer’s Participating Account after payment received by the Bank. Customer is entitled for Cash Back on the first year premium according to premium payment term agreed upon enrolment.

“**Teledirect Marketing Agent**” refers to sales agent by AmMetLife.

“**Prior Notice**” refers to the duration of at least 21 days’ for a notice to be given by the Bank.

1.2 Words denoting person shall include living persons and, if and where applicable, body or persons incorporated or unincorporated. Words importing the singular shall also include the plural and vice-versa. Words importing the masculine gender shall include the feminine and neuter gender.

2.0 Campaign Period and Eligibility

2.1 The Campaign shall run from **4th January 2016 until 31 March 2016** (both dates inclusive and will be referred to as "**Campaign Period**"). The Bank reserves the right to vary or amend the duration of the Campaign Period at its discretion with prior notice.

2.2 The Campaign is open to existing individual True by AmBank Debit MasterCard customers who sign-up for ProtectCare Select ("the Policy") through Teledirect Marketing Agent during the Campaign Period ("**Eligible Customers**").

2.3 The following individuals / entities shall not be eligible to participate in this Campaign:-

- Representatives, vendors and/or agents (including advertising and promotion agents) of AmBank Group (including its subsidiaries and related corporations Companies) and their immediate family members (spouses, children and parents); and/or
- Sole-proprietorships, Partnerships, Charitable / Non-profit Organizations / Societies, Government / Statutory Bodies and Corporate Customers; and/or
- Individuals below the age of eighteen (18) years old

3.0 Campaign Mechanisms

3.1 To enjoy the promotional rate specified in table below during the Campaign Period, an Eligible Customer need to sign up the Policy and maintain it for first year to entitle a 5% cash rebate:

Criteria	Cash Back (RM)
1) Sign up the Policy through Teledirect Marketing Agent	5% cash back on first year premium
2) Maintain as an active Policy Owner for first year from the date of receipt of the Policy	

Examples:

Scenario A: The Policy Owner is successfully enrolled on 5 January 2016 with monthly premium of RM50. He paid the Policy premium on every month since the first enrolment date. Hence he received his Cash Back every of the following month for first year premium.

Scenario B: The Policy Owner is successfully enrolled on 5 January 2016 with monthly premium of RM100. He paid the Policy premium from January 2016 to Feb 2016. From March 2016 onwards, he does not pay his premium. Hence he will receive his Cash Back for the month of January 2016 and February 2016 only.

3.2 Each Eligible Customer must sign up auto debit payment for the Policy premium via any AmBank channels (e.g: TRUE by AmBank Debit MasterCard, TRUE Transact Account, TRUE Savers Account, AmBank Debit MasterCard, AmBank Current or Savings Account, or AmBank Credit Card). This payment transaction shall be carried out by the Policy Owner for a minimum period of 1 year to be eligible for the Campaign.

- 3.3 This campaign is open for existing individual TRUE by AmBank Debit MasterCard customers and selected customers will receive call by Teledirect Marketing Agent during the Campaign Period. Upon agreement and consent by customer to sign up the Policy, the Policy will be issued by AmMetLife to customer after enrolment. The Eligible Customers must ensure that the Participating Account remain active during the Campaign Period. Customer who cancels the Policy within fifteen (15) days from the date of receipt of the Policy (“**Cooling Off period**”) will not entitled for the Cash Back. The Cash Back will be credited into Eligible Customer’s Participating Account after the Cooling Off Period.
- 3.4 Active status mean the Eligible Customer must perform at least one (1) transaction from Participating Account (e.g. AmOnline transactions, Standing Instruction (SI), retail purchase transaction or self-service machine transactions) **and** successful payment transaction based on premium payment term for the Policy (e.g: Premium Payment Term for monthly, quarterly, half yearly or yearly) being carried out by the accountholder. Failing which, the Eligible Customer shall be disqualified.
- 3.5 Eligible Customer is only entitled to one (1) Policy Cash Back on first year premium throughout the Campaign Period upon fulfilling the criteria in clause 3.1 above.
- 3.6 The Bank shall not be held liable for any incidental cost, charges and/or damages caused by the cash rewards.
- 3.7 The Bank shall have the right and absolute discretion to vary / revise / amend the selection criteria / mechanism / process of this terms and conditions as it deems fit and necessary at any time with prior notice for such purposes.
- 3.8 By participating in this Campaign, the Eligible Customer has read and understood the AmMetLife Insurance Berhad Terms & Conditions, Product Disclosure Sheets and Policy contract, which sent to Eligible Customer’s registered email address with AmMetLife after thirty (30) days from the date of receipts of the Policy.

4.0 Cash Back Crediting

- 4.1 The Cash Back will be credited into the Eligible Customer’s Participating Account, within 60 workings days from the premium payment date.
- 4.2 The Cash Back is non-transferable
- 4.3 The Eligible Customers who are entitled for the Cash Back will be notified by the Bank via confirmation email to their registered email address maintained under the Bank’s record, or via any other forms of communication at the sole and absolute discretion of the Bank.
- 4.4 Eligible Customer must ensure the Policy and Participating Account remain active before the Bank perform crediting of Cash Back into the Participating Account.
- 4.5 For avoidance of doubt, an Eligible Customer is entitled to receive up to a maximum of RM120 Cash Back depending on the premium amounts, upon fulfillment of all terms and condition as stated in clause 3.1.
- 4.6 The Bank has full right and discretion to alter, add, cancel or substitute the Cash Back for other prizes of similar retail value with prior notice to the Eligible Customers for any reason whatsoever

5.0 **General**

- 5.1 By participating in this Campaign, the Eligible Customers agreed to or to abide by this Terms and Conditions and have read and understood the AmBank Group Privacy Notice, which is available at www.ambank.com.my.

Each Eligible Customer warrants that any information provided pursuant to this Campaign (including but not limited to name(s), contact details and number(s) and/or addresses) is true, accurate, valid, updated and to be relied upon by the Bank.

The Bank shall have the absolute right to cancel, terminate or suspend the Campaign at any time without assigning any reason with prior notice via the Bank's official website or notice at branches.

- 5.2 The Bank shall have the right and absolute discretion (without assigning any reason) to vary, amend, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in any part from time to time including to end the Campaign earlier or extend it further or to vary the cash reward as it is deemed necessary or appropriate with prior notice via the Bank's official website or notice at branches or any other channel of communication at the sole and absolute discretion of the Bank.
- 5.3 The Bank shall have the absolute right and discretion to disqualify any Eligible Customer(s) from participating in the Campaign if it finds that or determines that the said Eligible Customer(s) has provided untrue information or acted fraudulently in any manner throughout the Campaign Period. Similar rights of the Bank shall also be applied in the event of breach or potential breach of these Terms and Conditions by the Eligible Customers.
- 5.4 The Bank's decision on all matters and/or disputes relating to this Campaign shall be final, binding and any further correspondence or appeal will not be entertained.
- 5.5 All transactions recorded by the Bank are final and conclusive.
- 5.6 To the extent permitted by law, the Eligible Customers shall not be entitled to any claim and/or compensation against the Bank for any and all losses and/or damages suffered or incurred by the Eligible Customer(s) or any parties related herein directly or indirectly as result of the Bank exercising its rights and entitlement pursuant to these Terms and Conditions (including but not limited to the Bank's rights and entitlement under clauses 2, 3, 4 and 5 hereinabove) and/or arising from participation in the Campaign.
- 5.7 These Terms and Conditions shall prevail over any other provisions and/or representations contained in any other promotional materials advertising this Campaign.
- 5.8 The Bank shall not be liable for any default in respect of the Campaign due to any act of God, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, technical or system failures or any event beyond the reasonable control of the Bank.
- 5.9 All Terms and Conditions stipulated herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.
- 5.10 In the event of any discrepancies or conflict in the interpretation of these Terms and Conditions, the English and Bahasa Malaysia versions of each of these Terms and Conditions shall be construed as equivalent and each of the Terms and Conditions stipulated shall carry the same meaning.

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Tunai TRUE – ProtectCare Select

1.0 Definisi

1.1 Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah membawa maksud seperti yang ditetapkan kepadanya melainkan konteks menghendaki sebaliknya:-

“**Penganjur**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad (No. Syarikat 8515-D), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965, dengan alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur (selepas ini dirujuk sebagai “**Bank**”).

“**Kumpulan AmBank**” merujuk kepada semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu Bank sama ada yang diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, yang sedia ada sekarang atau di masa hadapan dan rujukan kepada 'Kumpulan AmBank' dalam Terma dan Syarat ini hendaklah merangkumi semua atau sebarang entiti di dalam Kumpulan AmBank.

“**Kempen**” merujuk kepada "Kempen Ganjaran Tunai TRUE – *ProtectCare Select*" yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.

““**Kad Debit MasterCard TRUE**” merujuk kepada akaun-akaun gabungan yang terdiri daripada Akaun Transaksi TRUE dan Akaun Penyimpanan TRUE.

“**Akaun Transaksi TRUE**” bermaksud akaun (selepas ini dirujuk sebagai “**Akaun Penyertaan**”) gabungan dengan Kad Debit Mastercard TRUE yang menawarkan transaksi dalam talian Interbank GIRO (IBG) tanpa had secara percuma, 5 pengeluaran wang tunai MEPS secara percuma dan akses mudah ke rangkaian MEPS ATM di seluruh Malaysia. Akaun ini layak untuk perlindungan daripada PIDM.

“**Akaun Penyimpanan TRUE**” bermaksud akaun gabungan dengan Kad Debit Mastercard TRUE yang menawarkan kadar faedah setinggi 2.8% setahun dengan had pengeluaran wang tunai sebanyak 3 kali sebulan. Caj RM5 + RM0.30 (CBP) akan dikenakan untuk pengeluaran ke-4 dan seterusnya. Akaun ini layak untuk perlindungan daripada PIDM.

“**Polisi**” merujuk kepada ProtectCare Select dan bermaksud kontrak, lampiran dan/atau endorsan Polisi ini dan mana-mana borang permohonan, akuan atau pindaan yang lain yang bersama akan membentuk keseluruhan kontrak di antara anda dan AmMetLife (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat").

“**Pemilik Polisi**” merujuk kepada orang yang mempunyai hak milik sah kepada Polisi.

“**Premium tahunan pertama**” merujuk kepada dua belas (12) bulan premium yang perlu dibayar berdasarkan Terma Pembayaran Premium.

“**Ganjaran Tunai**” merujuk kepada 5% wang tunai yang akan kredit ke dalam Akaun Penyertaan pelanggan selepas bayaran diterima oleh Bank. Pelanggan layak mendapat Ganjaran Tunai bagi premium tahun pertama menurut terma pembayaran premium yang telah dipersetujui di awal penyertaan.

“**Ejen Pemasaran Tele-direct**” merujuk kepada ejen jualan AmMetLife.

“**Notis Terdahulu**” merujuk kepada tempoh sekurang-kurangnya 21 hari untuk satu notis diberikan oleh Bank.

- 1.2 Perkataan-perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah merangkumi orang-orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang-orang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata tunggal hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan atau genus neuter.

2.0 Tempoh Kempen dan Kelayakan

- 2.1 Kempen ini akan bermula dari **4 Januari 2016 sehingga 31 Mac 2016** (termasuk kedua-dua tarikh dan akan dirujuk sebagai “**Tempoh Kempen**”). Pihak Bank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen mengikut budi bicaranya dengan memberi notis terlebih dahulu.

- 2.2 Kempen ini dibuka kepada individu pemegang sedia ada Kad Debit MasterCard TRUE yang akan mendaftar untuk ProtectCare Select (“Polisi”) melalui Ejen Pemasaran Tele-direct semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan Yang Layak**”).

- 2.3 Individu / entiti berikut tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:-

- Wakil, vendor dan/atau ejen (termasuklah ejen periklanan dan promosi) Kumpulan AmBank (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitan) dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak dan ibubapa); dan/atau
- Pemilik tunggal, Perkongsian, Pertubuhan Kebajikan Tanpa-keuntungan Pertubuhan Kerajaan / Badan Berkanun dan Pelanggan Korporat; dan/atau
- Individu yang berumur bawah lapan belas (18) tahun

3.0 Mekanik Kempen

- 3.1 Untuk menikmati kadar promosi yang ditetapkan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen, Pelanggan Yang Layak perlu mendaftar untuk Polisi tersebut dan mengekalkan premiumnya bagi tahun pertama untuk mendapat 5% Ganjaran Tunai:

Kriteria	Wang Balik (RM)
3) Mendaftar Polisi melalui Ejen Pemasaran Tele-direct	5% Ganjaran Tunai bagi premium tahunan pertama
4) Mengekal sebagai Pemilik Polisi yang aktif untuk tahun pertama daripada tarikh penerimaan Polisi	

Contoh:

Senario A: Pemilik Polisi berjaya mendaftar pada 5 Januari 2016 dengan premium bulanan sebanyak RM50. Beliau membayar premium Polisi pada setiap bulan sejak tarikh pendaftaran. Oleh itu, beliau akan layak mendapat Ganjaran Tunai setiap bulan pada bulan-bulan seterusnya bagi premium tahunan pertama.

Senario B: Pemilik Polisi berjaya mendaftar pada 5 Januari 2016 dengan premium bulanan sebanyak RM100. Beliau membayar premium Polisi dari Januari 2016 sehingga Februari 2016. Sejak Mac 2016, beliau tidak lagi membayarkan premium Polisinya. Oleh itu, beliau akan mendapat Ganjaran Tunai bagi bulan Januari 2016 dan Februari 2016 sahaja.

- 3.2 Setiap Pelanggan Yang Layak hendaklah mendaftar untuk membuat pembayaran debit secara automatik bagi premium Polisi melalui mana-mana saluran AmBank (contoh: Kad Debit MasterCard TRUE, Akaun Transaksi TRUE, Akaun Penyimpanan TRUE, Kad Debit Mastercard AmBank, Akaun Semasa atau Simpanan Ambank atau Kad Kredit AmBank). Transaksi bayaran ini akan dilaksanakan oleh Pemilik Polisi selama tempoh minima setahun untuk layak menyertai Kempen ini.
- 3.3 Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu Kad Debit MasterCard TRUE dan pelanggan-pelanggan terpilih yang akan menerima panggilan daripada Ejen Pemasaran Tele-direct semasa Tempoh Kempen. Setelah mendapat persetujuan dan kebenaran oleh pelanggan untuk mendaftar dengan Polisi tersebut, Polisi akan dikeluarkan oleh AmMetLife kepada pelanggan selepas pendaftaran. Pelanggan Yang Layak mesti memastikan Akaun Penyertaan kekal aktif semasa Tempoh Kempen. Pelanggan yang membatalkan Polisi tersebut dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Polisi ("**Tempoh Bertenang**") tidak akan layak mendapat Ganjaran Tunai. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan Yang Layak selepas Tempoh Bertenang.
- 3.4 Status aktif bermaksud Pelanggan Yang Layak hendaklah melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) transaksi daripada Akaun Penyertaan (contoh: transaksi AmOnline, Arahan Tetap (AT), transaksi runcit atau transaksi mesin layan diri) **dan** transaksi pembayaran berdasarkan terma pembayaran premium bagi Polisi (contoh: Terma Pembayaran Premium bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan) yang dilaksanakan oleh pemegang akaun. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Pelanggan Yang Layak dibatalkan penyertaannya.
- 3.5 Pelanggan Yang Layak hanya berhak mendapat satu (1) Polisi Ganjaran Tunai bagi premium tahunan pertama sepanjang Tempoh Kempen apabila memenuhi kriteria dalam klausa 3.1 di atas.
- 3.6 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kos sampingan, caj-caj dan/atau kerosakan yang disebabkan oleh ganjaran tunai tersebut.
- 3.7 Bank berhak dan mempunyai budi bicara mutlak untuk mengubah / menyemak / meminda kriteria / mekanisma / proses pemilihan bagi terma dan syarat ini yang difikirkan penting dan wajar pada bila-bila masa dengan memberi notis terdahulu bagi tujuan tersebut.
- 3.8 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak telah membaca dan memahami Terma & Syarat AmMetLife Insurance Berhad, Helaian Pendedahan Produk dan Kontrak Polisi, yang dihantar ke alamat emel Pelanggan Yang Layak yang berdaftar dengan AmMetLife selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh penerimaan Polisi.

4.0 Pengkreditan Ganjaran Tunai

- 4.1 Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan Yang Layak, dalam masa 60 hari bekerja daripada tarikh pembayaran premium.
- 4.2 Ganjaran Tunai tidak boleh dipindah milik.
- 4.3 Pelanggan Yang Layak yang berhak menerima Ganjaran Tunai akan dimaklumkan oleh Pihak Bank melalui emel pengesahan kepada alamat emel yang didaftarkan di bawah rekod Bank atau melalui apa-apa bentuk komunikasi yang lain mengikut budi bicara tunggal dan hak mutlak pihak Bank.

- 4.4 Pelanggan Yang Layak mesti memastikan Polisi tersebut dan Akaun Penyertaan kekal aktif sebelum pihak Bank melakukan pengkreditan Ganjaran Tunai ke dalam Akaun Penyertaan.
- 4.5 Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan Yang Layak berhak menerima Ganjaran Tunai sehingga maksima sebanyak RM120 bergantung kepada jumlah premium, sebaik sahaja ia memenuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam fasal 3.1.
- 4.6 Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara penuh untuk mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan Ganjaran Tunai untuk hadiah-hadiah lain yang bernilai runcit yang sama dengan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan Yang Layak untuk apa-apa sebab sekalipun.

5.0 **Umum**

- 5.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju dan akan patuh kepada Terma dan Syarat ini dan telah membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank, yang boleh didapati di www.ambank.com.my
- 5.2 Setiap Pelanggan yang Layak menjamin bahawa sebarang maklumat yang diberikan dalam melaksanakan Kempen ini (termasuklah tetapi tidak terhad kepada nama, butiran dan nombor telefon dan/atau alamat) adalah benar, tepat, sah, terkini dan boleh dipercayai oleh pihak Bank.
- 5.3 Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak (tanpa memberi apa-apa sebab) untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk menamatkan Kempen lebih awal atau melanjutkannya atau untuk mengubah ganjaran tunai kerana ia dianggap perlu atau sesuai dengan notis terlebih dahulu melalui laman web rasmi atau notis di cawangan Bank atau saluran komunikasi lain mengikut budi bicara tunggal dan mutlak pihak Bank.
- 5.4 Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk menyingkirkan Pelanggan yang Layak dari menyertai Kempen sekiranya Pelanggan yang Layak tersebut didapati memberikan maklumat tidak benar atau melakukan penipuan dengan sebarang cara sepanjang Tempoh Kempen. Hak yang sama oleh pihak Bank akan digunakan sekiranya berlaku pelanggaran atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat ini oleh Pelanggan yang Layak.
- 5.5 PihakBank mempunyai hak untuk menerbitkan atau memaparkan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkan perlu dan sesuai (termasuk tetapi tidak terhad kepada) nama, kad pengenalan yang disulitkan, gambar, dan bandar kediaman daripada Pelanggan yang Layak kempen ini yang berhak untuk menerima ganjaran wang tunai untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang membenarkan dan bersetuju bahawa pihak Bank adalah bebas untuk menerbitkan nama, gambar, nombor kad pengenalan yang disulitkan, bandar kediaman untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 5.6 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pelanggan yang Layak tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan dan / atau pampasan terhadap pihak Bank bagi sebarang dan/atau semua kerugian dan/atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung sebagai akibat dari pihak Bank menjalankan hak dan kelayakan menurut Terma dan Syarat

ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada hak dan kelayakan pihak Bank di bawah fasal 2, 3, 4 dan 5 di atas) dan / atau keadaan yang timbul daripada penyertaan dalam Kempen ini.

- 5.7 Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan dan / atau perwakilan lain yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.
- 5.8 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkiran berkenaan dengan Kempen ini yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, teknikal atau kegagalan sistem atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah pihak Bank.
- 5.9 Semua Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 5.10 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di dalam tafsiran Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap sebagai serupa, dan setiap Terma dan Syarat yang ditetapkan membawa makna yang sama.